

Ayam RM10 sekilogram di Tawau

TAWAU 12 Julai — Kenaikan harga ayam sehingga 20 peratus di daerah ini sejak seminggu lepas menyebabkan pengguna di Tawau meminta pihak berkuasa memantau keadaan itu.

Tinjauan *Bernama* di Pasar Tanjung di sini mendapati rata-rata pengguna menyifatkan kenaikan harga ayam dari RM8 kepada RM10 sekilogram itu agak membebankan lebih-lebih lagi ketika menjelang bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri.

Seorang petani, **Abd. Rajak@Kassim Mohd. Ali**, 55, berkata, kenaikan harga ayam sehingga 20 peratus itu tidak wajar dan menganggapnya sebagai cubaan peniaga untuk mengaut keuntungan lebih.

"Saya minta pihak kerajaan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tidak memandangkan perkara ini hanya sebelah mata.

"Lagi bagus kalau media dapat menghebahkan keadaan ini. Tindakan perlu diambil untuk kebaikan semua pihak bukan sahaja kepada pembeli malah kepada peniaga juga," kata Abd. Rajak ketika ditemui hari ini.

Seorang lagi pengguna yang hanya ingin dikenali sebagai **Habsah**, 50-an, berkata, sebelum ini harga ayam di sini ialah RM7.30 sekilogram, tetapi kini harga paling rendah ialah RM9.50 sekilogram.